


PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA  
PERKHIDMATAN REPROGRAFI

UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY  
REPROGRAPHIC SERVICE

INI IALAH SALINAN MIKROFIS  
BAHAN DALAM PEGANGAN  
BAHAGIAN KOLEKSI KEBANG-  
SAAN, PERPUSTAKAAN UNI-  
VERSITI MALAYA

THIS IS THE MICROFICHE  
COPY OF ITEM HELD IN  
THE NATIONAL COLLECTION  
DIVISION, UNIVERSITY OF  
MALAYA LIBRARY



MULA

START

AAZ-7310

AAZ-7310

1308

PERANAN JABATAN AGAMA ISLAM  
JOHOR DALAM MEMBASMI  
AJARAN SESAT DI JOHOR

SITI NORA BTY YUSOFE

1808011

FAKULTI USULUDDIN  
AKADEMI ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
JANUARI 1990

FAKULTI USULUDDIN  
AKADEMI ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA

PERANAN JABATAN AGAMA ISLAM JOHOR DALAM  
MEMBASMI AJARAN SESAT DI JOHOR

OLEH

SITI NORA BTE YUSOFE

Latihan ilmiah ini diterima oleh Fakulti Usuluddin  
bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda  
Usuluddin sessi 1989/90.

Jnidjy -

PENYELIA

30.1.1990

TARIKH



DEKAN

30.1.1990

TARIKH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَاعْلَمُ الْجَنَّاتِ

وَلَا تَكُونُنَّ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

~ ٨٧: ~  
القصص

"Serulah manusia, supaya menyembah Allah dan  
janganlah engkau masuk golongan orang  
yang musyrik".

( Surah Al-Qashash: 87 )

DEDIKASI

Ku Abadikan Untuk:

- Ayah Dan Ibu Tercinta,  
Jasamu Ku Sanjung Tinggi,  
Pengorbananmu Abadi Dalam Ingatan,
- 
- Abang-Abang,
- Kakak-Kakak Ku Tersayang,  
Budi Kalian Tetap Ku Kenang,
- Anak-Anak Saudaraku,  
Semoga Kejayaan Bersama Kalian,
- Teman,  
Semangat Dan Doronganmu,  
Membuatkan Aku Tabah Di Sini,
- Semua Yang Dikasihi,  
Kita Adalah Pengembara.

## TRANSLITERASI

## 1. KONSONAN

<u>HURUF ARAB</u>	<u>HURUF RUMI</u>
ا	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ه	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	s
ض	d
ظ	t
ظ ض	z
ق	c
غ	gh
ف	f

HURUP ARAB

ف  
ك  
ل  
م  
ن  
و  
ه، ه  
ء  
ي  
هـ

HURUP RUMI

q  
k  
l  
m  
n  
w  
h  
,

y

h̄

## 2. VOKAL

Dalam sistem vokal Arab ada vokal pendek, ada vokal panjang dan ada vokal diftong.

## 1. Pendek

أ a  
إ i  
ع u

## 2. Panjang

أـ aـ  
إـ iـ  
عـ uـ

## 3. Diftong

أـيـ ay  
أـوـ aw

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْمَدْلُوْلُ بِهِ الْفَالِمِينَ وَالْقَلَّاْهُ وَالسَّتْلَامُ  
عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَا' وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى الْأَئِمَّةِ  
وَاصْحَابِ الْجَمِيعِ،

Alhamdulillah dan syukur kepada Allah S.W.T. yang telah memberikan taufik dan hidayah-Nya kepada penulis sehingga penulis dapat menyiapkan Kertas Projek ini pada masa yang ditetapkan.

Kesyukuran dipanjatkan kepada Allah yang telah memberikan kekuatan fikiran dan tenaga untuk penulis menjalankan kajian dan menempuh halangan semasa membuat kajian ini.

Dalam kesempatan ini, penulis merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Ustazah Fatimah bte Ali selaku pensyarah dan musyrif kepada penulis, yang telah bersusah payah mengorbankan masa untuk meneliti serta memberi nasihat dan bimbingan kepada penulis dalam usaha menyiapkan Kertas Projek ini. Bimbingan dan nasihat beliau memberikan semangat yang padu untuk penulis meneruskan usaha dengan gigih dan sabar. Kesanggupan beliau untuk mendengar dan menyelesaikan masalah yang penulis timbulkan merupakan pengorbanan yang sangat besar dan dihargai.

Dititipkan juga ucapan terimakasih kepada Ustaz Abdul Latif Awang, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan JAIJ dan Encik Abdul Rahman Abdullah, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan JAIJ yang telah memberikan kerjasama kepada penulis semasa penulis menemubual mereka. Kerjasama yang mereka berikan memudahkan usaha penulis mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pensyarah di Akademi Islam Universiti Malaya, terutamanya di Fakulti Usuluddin yang telah banyak mencurah bakti dan memberi ilmu pengetahuan kepada penulis semasa dalam pengajian di Universiti Malaya.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada perpustakaan Universiti Malaya, perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysi, perpustakaan Awam Pusat Islam dan perpustakaan Sultan Ismail Johor Bahru yang memberikan kesempatan untuk penulis membuat penyelidikan di perpustakaan-perpustakaan tersebut.

Kepada kedua ibubapa dan keluarga yang dikasih, dipersembahkan setinggi-tinggi penghargaan, kerana berkat doa, dorongan dan bantuan dari semua segi memberi peluang kepada penulis menimba pengetahuan di tahap yang ada pada hari ini.

Tidak lupa penulis mengucapkan terima kasih kepada Idah, Abd. Ghani dan Wan Noreham yang telah banyak membantu penulis dalam membuat dan menyiapkan kajian ini. Juga terima kasih buat kawan-kawan seperjuangan, teman sekuliah dan rakan sebilik yang banyak memberi dorongan kepada penulis untuk menyiapkan latihan ini.

Akhirnya penulis memohon kemaafan kepada semua yang berkenaan di atas segala kekurangan yang terdapat dalam kajian ini. Segala yang baik adalah dari Allah S.W.T. dan yang kurang dari kelamahan penulis sendiri.

Disediakan oleh,

Siti Nora bte Yusofe,

Fakulti Usuluddin,

Akademi Islam,

Universiti Malaya,

Kuala Lumpur.

5hb. Januari, 1990

8hb. Jamadilakhir, 1410.



Alhamdulilah, syukur kepada Allah S.W.T. yang melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya sehingga penulis dapat menyiapkan kajian yang bertajuk "Peranan Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) Dalam Membasmi Ajaran Sesat Di Johor".

Penulis memilih tajuk ini berdasarkan kesedaran bahawa masyarakat Islam dan seluruh penduduk Negeri Johor perlu mendapatkan penjelasan yang sewajarnya tentang bahaya ajaran sesat dan langkah-langkah untuk memeranginya.

Oleh itu kajian ini cuba menyingkap peranan atau langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak JAIJ dalam membasmi ajaran salah yang berkembang di Negeri Johor.

Dalam perkembangan proses islamisasi di seluruh dunia, lahirlah kesedaran masyarakat ke atas ancaman ajaran sesat terhadap kesucian Agama Islam. Kecenderungan umat Islam memahami dan menyadari peranan Agama Islam dalam mengatur sistem hidup yang sempurna dalam segenap aspek melahirkan laungan-laungan yang lantang, menyuarakan pendapat supaya menghapuskan segala kegiatan yang boleh menggugat kestabilan Agama Islam.

Kesedaran masyarakat ini memerlukan pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam pentadbiran dan perlaksanaan hal ehwal keagamaan di negeri-negeri khususnya Negeri Johor, untuk memberikan penerangan yang lengkap dan berkesan supaya masyarakat memahami dan mengetahui bahaya ajaran sesat. Kurang faham masyarakat menyebabkan mereka tidak mengetahui penyelawengan yang dilakukan dalam gerakan ajaran sesat.

Kepentingan yang ketara dalam kajian ini ialah untuk mengetahui sejauhmana JAIJ berfungsi dan berperanan sebagai sebuah badan yang menjaga hal ehwal agama Islam negeri melakukan tindakan dan melaksanakan undang-undang yang dikanunkan di bawah Enakmen mengenai ajaran sesat. Melalui kajian ini penulis telah menyingkap aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh JAIJ untuk membasmi ajaran tersebut.

Melalui kajian ini diharapkan akan dapat membantu masyarakat mengenali ciri-ciri atau unsur-unsur yang terdapat dalam sesebuah kumpulan ajaran sesat. Dengan ini masyarakat akan dapat menilai sama ada sesebuah ajaran yang dibawa oleh seseorang tuan guru itu benar atau salah. Dengan ini masyarakat akan terhindar dari melakukan penyelawengan.

Akhirnya dipohonkan perlindungan dari Allah S.W.T. dari sebarang kesalahan faham terhadap aqidah Islam dan syariatnya juga dari sebarang kekeliruan dalam menyelesaikan masalah yang berkenaan.

Andaikata ada pendapat yang tidak tepat dalam kajian ini dan kekeliruan fakta ketika menyelesaikan permasalahan yang timbul, penulis memohon kemaafan.

Semoga usaha yang sedikit ini mendapat keberkatan dan keredaan Allah S.W.T. serta memberi manfaat kepada sesiapa yang membacanya.

Sekian. Wassalamualaikum.

Siti Nora bte Yusofe,

Fakulti Usuluddin,

Akademi Islam,

Universiti Malaya,

Kuala Lumpur.

Shb. Januari, 1990  
8hb. Jamadilakhir, 1410.